



Tahun 2. No. 2

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

1 MARCH, 1957

Persidangan "ECAFE" Di-Bangkok:

PEHIN DATO' PERDANA MENTERI HAJI IBRAHIM BERSERTA

MR. E.R. BEVINGTON MEWAKILI BRUNEI-SARAWAK

MENURUT satu puncha yang rasmi, pihak yang berkuasa telah memilih 2 orang Pegawai Tinggi Kerajaan Negeri Brunei, iaitu Setia Usaha Sulit Kabawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan, Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar; dan Pesuruh Jaya Perkembangan Negeri, Mr. E.R. Bevington, untuk menghadiri Persidangan Surohan Jaya Ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh ("Economic Commission for Asia and the Far East") yang akan di-langsungkan sedikit hari lagi di-Bangkok, Ibu Kota Negeri Thailand (Siam) sebagai Wakil2 Rasmi bagi Negeri2 Brunei; dan Sarawak.

Antara tujuan2 yang mustahak di-adakan Persidangan Surohan Jaya Ekonomi tersebut ialah untuk menyiasat dan memberi nasihat dalam hal ehwal Rancangan2 Perekonomian yang di-selenggarakan dalam Daerah Asia Tenggara.

Perlu juga di-sebutkan bahawa ini-lah kali yang pertama Negeri Brunei menghantarkan Wakil2-nya sendiri untuk menghadiri Persidangan sademikian; manakala pada tahun2 yang lalu, Wakil2 dari Negeri Sarawak telah mewakili Negeri ini ka-Persidangan itu.

Mr. E.R. Bevington akan berangkat ka-Bangkok terlebih dahulu dan beliau akan menghadiri Persidangan Jawatan Kuasa Surohan Jaya Ekonomi itu, Bahagian Pertukangan dan Perdagangan mulai dari 7 March, 1957 hingga 15 March, 1957.

Pehin Dato' Perdana Menteri pula, bersama2 dengan E. R. Bevington akan menghadiri Persidangan Agong Surohan Jaya tersebut dari 18 March, 1957 hingga 28 March, 1957.

Beberapa banyak negeri2 dalam Daerah Asia Tenggara akan menghantarkan Wakil2 mereka ka-Persidangan itu, selain daripada Wakil2 khas dari United Kingdom; United States of America; dan Negeri Russia.

Wakil2 Brunei ka-Persidangan tersebut akan balek pada 30 March, 1957.

GAMBAR2 P.P.B. KA-PERTUNJOKAN BARANG2 ECAFE

Dalam masa beberapa minggu yang lalu, Pejabat Penerangan Brunei telah berusaha menyediakan gambar2 menunjukan hasil2 barang2 yang di-buat dalam Negeri ini, seperti barang2 Pertukangan Perak yang sudah termashor samenjak beberapa abad yang lalu; serta gambar2 perusahaan minyak, getah, membuat papan batu bata dan sebagainya untuk di-pertunjukan di-Temasha Pertunjukan

/Barang2 pada masa

Barang2 pada masa di-langsungkan Persidangan Agong Surohan Jaya Ekonomi tersebut.

Segala gambar2 itu akan di-hantarkan oleh Pejabat Penerangan Brunei ka-Pusat ECAFE di-Bangkok dengan saberepa segera.

WAKIL2 KERAJA'AN BRUNEI DI-HONGKONG
=====

Keraja'an Brunei telah melantek Sharikat Jardine, Matheson & Co. Limited, Des Voëux Road Central, Hongkong sebagai Wakil2 Rasmi Kerajaan ini di-Hongkong menggantikan Sharikat Gibb, Livingston & Co. Limited, Hongkong, yang telah berhenti dari memegang jawatan itu mulai dari 31 December, 1956.

Perkhidmatan2 Wakil2 yang baharu itu boleh-lah di-gunakan oleh Ketua2 Pejabat Kerajaan pada masa yang di-perlukan. Bagaimana pun, permintaan2 itu hendak-lah di-alamatkan kepada Tuan British Resident atau Penyimpang Khazanah Negeri Brunei untok di-hantarkan kepada Wakil2 ini.

BAKAL PESUROH JAYA PERKEMBANGAN NEGERI
=====

Mr. R.H. Morris, bekas Penolong Resident Brunei yang juga menjadi Pemangku Penyimpan Khazanah Negeri, telah tiba di-Brunei baharu2 ini dan telah menyempurnakan chuti panjang-nya dan pada masa ini beliau sedang berkhidmat di-Pejabat Pesuruh Jaya Perkembangan Negeri.

Ada-lah di-fahamkan bahawa Mr. Morris akan menggantikan Mr. E.R. Bevington sebagai Pesuruh Jaya Perkembangan Negeri pada masa Mr. Bevington menyempurnakan chuti panjang-nya mulai pada penghujung bulan April atau awal bulan May tahun ini.

7 LAWATAN PENASIHAT PELAJARAN DARI PEJABAT JAJAHAN TA'LOK KA-BRUNEI
=====

Penasihat Pelajaran dari Pejabat Jajahan Ta'lok British di-London Sir Christopher Cox K.C.M.G. telah tiba di-Padang Kapal Terbang Brunei dari Jesselton pada hari Ithnin 18 February, 1957 di-mana beliau telah sambutan oleh Pemangku Pegawai Pelajaran Negeri, Mr. P. Spicer dan Pengarah Pelajaran Negeri Sarawak, Mr. M.G. Dickson.

Pelawat yang ke-nama'an itu telah terus melawat ka-Pejabat Pemangku Pegawai Pelajaran selepas itu beliau telah mengadakan pertemuan dengan British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert di-Pejabat British Resident.

Pada hari itu juga Sir Christopher Cox telah mengadakan perundingan mengenai hal ehwal pelajaran di-Negeri ini dengan pemangku Pegawai Pelajaran Negeri, Mr. P. Spicer; Penguasa Pelajaran Melayu, Inche' Marbin Ma'un; dan Nadzir Sekolah2 China, Dr. C.D. Liang. Beliau juga telah melawat Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei, Pusat Lateha Guru2 Melayu; Bangunan Baharu Sekolah Menengah Perempuan; Sekolah China di-Bandar Brunei; dan Darjah2 Pelajaran Dewasa.

Sir Christopher Cox telah berangkat ka-Kuala Belait dengan Land Rover pada 19 February, 1957 dan telah melawat Sekolah2 Melayu Bunut; Kilanas; dan Sungai Liang serta Sekolah China Sungai Liang dalam masa perjalanan-nya itu.

/Semasa berada

Samasa berada di-kawasan Padang Minyak tersebut, Sir Christopher Cox telah mengadakan perundingan dengan Wakil2 Sharikat Minyak B.M.P. Company Limited dan melawat ka-Sekolah Pertukangan di-Seria.

Sir Christopher Cox telah tiba semula di-Brunei dengan kapal terbang pada 20 February, dan pada hari itu juga beliau telah mengadap Ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Pada sabelah petang hari itu beliau telah melawat ka-Sekolah2 Melayu Laila Menchanai; Dato' Gandi; Sekolah Perempuan Raja Isteri Fatimah; Rumah Tumpangan Penuntut2 Perempuan di-Bandar Brunei dan ka-lain2 tempat.

Sir Christopher Cox telah di-ra'ikan di-satu Majlis Jamuan Minuman di-Rumah Tuan British Resident pada malam 20 February, dan telah berangkat ka-Kuching melalui Miri pada 21 February, dengan di-iringkan oleh Pengarah Pelajaran Negeri Sarawak.

.....

Ranchangan Perkembangan Getah:

BANTUAN WANG AKAN DI-BERI KAPADA PEKEBUN2 KECHIL

TETAPI DENGAN SHARAT

Pejabat Pertanian Negeri telah menerima dari pekebun2 kechil sehingga ka-sa'at yang terakhir ini, sajumlah 283 perminta'an2 untok menanam getah baharu mengandongi saluas 1,175 ekar tanah dan 27 perminta'an2 untok menanam getah semula mengandongi saluas 100 ekar tanah same-njak berjalan kuatkuasa Ranchangan Perkembangan Getah.

Berhubung dengan Ranchangan Getah tersebut, Pegawai Pertanian Negeri, Inche' Hamidoon bin Awang Damit menerangkan bahawa pehak yang berkuasa belom-lah lagi memberi sabarang bantuan wang kapada sa-sa-orang pun daripada pekebun2 kechil tersebut.

Bagaimana pun, kata-nya, harus-lah bantuan wang itu akan di-beri kapada pekebun2 kechil tidak berapa lama lagi, tetapi dengan syarat kalau Pejabat Pertanian Negeri mendapati bahawa pohon2 getah itu tumbuh dengan subur dan kebun2 getah itu di-pelihara dalam keadaan yang dapat memuaskan hati Pejabat Pertanian tersebut.

Pekebun2 kechil di-nasihatkan supaya menanam semula pohon2 getah mereka, sakira-nya pohon2 itu sudah tua dan tidak dapat memperolehi hasil2 yang baik untok faedah mereka itu.

Oleh kerana hal sademikian, Pegawai Pertanian Negeri menyeru kapada pekebun2 kechil dari saluroh Negeri Brunei supaya mereka merebutkan peluang yang tela di-beri kapada mereka oleh Kerajaan di-bawah Ranchangan Perkembangan Getah.

Samentara itu, Pejabat Pertanian Negeri telah pun menchitak beribu2 naskhah siaran dalam Bahasa2 Melayu dan Inggeris mengenai Ranchangan Perkembangan Getah di-Brunei mengandongi Kenyata'an2 kapada pekebun2 kechil mengenai tanaman pohon getah semula dan getah baharu.

Pekebun2 Kechil yang berkehendak naskhah2 siaran tersebut di-nasihatkan supaya berhubung dengan Pejabat Pertanian Negeri di-Bandar Brunei dengan sabberapa segera, atau pun kapada Pejabat2 Pegawai2 Daerah di-saluroh Brunei.

.....

SELAMAT DATANG MISS JOHNSON

Miss Johnson, sa-orang Pegawai dari Ibu Pejabat Persekutuan Palang / Merah British

Merah British di-London, England, yang di-tempatkan di-Jesselton, Borneo Utara telah melawat ka-Negeri ini baharu2 ini dan telah berada di-Bandar Brunei selama dua minggu.

Dalam masa tersebut, beliau telah berjumpa dan bercheramah dengan Pegawai2 serta anggota2 Persekutuan Palang Merah British, Bahagian Brunei. Beliau juga telah menunjukan kepada ahli2 Persekutuan tersebut berbagai2 perkara mengenai pertolongan chemas yang wajib di-lakukan oleh mereka itu.

Miss Johnson menagaskan kepada Jawatan Kuasa Persekutuan itu, bahawa beliau berharap samoga Persekutuan Palang Merah British yang bergabung dengan Pertubuhan Palang Merah Antara Bangsa, mengandungi 2,000,000 ahli2 dari segala bangsa, akan beroleh dengan kemajuan yang gilang gemilang.

Ada-lah di-fahamkan bahawa Miss Johnson akan sekali lagi melawat ka-Negeri Brunei kira2 enam bulan lagi.

.....

PERUNDINGAN WAKIL2 SHARIKAT BEKERJASAMA DI-BRUNEI

Wakil2 dari 5 buah Sharikat2 Bekerjasama di-Brunei telah mengadakan satu perundingan dengan Penolong Pendaftar Sharikat Kerjasama, Miri, Sarawak, Mr. H.S. Brown di-Pejabat Penerangan, Bandar Brunei baharu2 ini.

Wakil2 tersebut ada-lah terdiri dari: Kedai Sharikat Petani Melayu Brunei; Kedai Sharikat Melayu Brunei; Sharikat Nelayan Melayu Brunei; Sharikat Rakyat Melayu Brunei; dan Iktesad Guru2 Melayu Brunei.

Penolong Pendaftar Sharikat Berkerjasama dari Negeri Sarawak itu telah melawat ka-Negeri ini bersama2 dengan Inspector Pejabat Kemajuan Bekerjasama, Miri, Inche' Mohd. Hanis bin Mahlie.

Mereka telah tiba di-sini, atas jemputan dari pihak Kerajaan, pada hari Thalatha, 12 February, 1957 dengan menaiki Land Rover dan telah balek ka-Miri pada hari Juma'at, 14 February, 1957.

Tujuan lawatan mereka ka-Brunei ialah untuk memberi pertolongan sambil menasihatkan kepada Pegawai2 dan ahli2 Sharikat Bekerjasama di-Negeri ini mengenai berbagai2 perkara yang bersangkutan paut dengan pertadbiran Sharikat2 Bekerjasama itu.

Ahli2 Sharikat2 Bekerjasama Di-Nashiatkan: Tinggalkan-lah

Siasah atau Ugama di-luar.

Dalam ucapan-nya, Mr. H.S. Brown telah menasihatkan kepada semua ahli2 Sharikat2 Bekerjasama di-Negeri ini bahawa walau apa jua pun Ugama atau Chorak Siasah sa-sa-orang itu, maka tidak-lah ia boleh di-larang dari memasoki menjadi ahli kerana hal itu.

Sabelak-nya, tegas beliau, tidak sa-orang ahli pun boleh membawa perkara siasah atau Ugama kadalam Sharikat sape-rti ini; perkara tersebut hendak-lah di-tinggalkan dilu-ar dan di-tempat2 yang tertentu bagi-nya.

Selanjut-nya beliau berkata bahawa tidak sa-sa-orang pun boleh di-paksa masuk menjadi ahli sebuah Sharikat Kerjasama, dan tidak sa-orang pun boleh di-tulak dari memasuki menjadi ahli, sekira-nya ia ada mempuny-ai sifat2 amanah dan boleh di-perchayai.

Mr. Brown telah menerangkan berbagai2 perkara yang lain mengenai Sharikat2 Bekerjasama, di-antara-nya ialah tentang chara2 perjalanan Sharikat2 Bekerjasama di-lain2 negeri.

Wakil2 yang hadir telah mengeluarkan berbagai2 so'alan2 dan Mr. Brown telah menjawab so'alan2 itu dengan bersendikan kepada pengalaman2

/yang beliau telah ...

yang beliau telah perolehi samentak beberapa tahun yang lalu dalam per-
kara2 mengenai kemajuan Bekerjasama di-Negeri Sarawak dan di-Nigeria,
Africa Barat.

Penolong Pendaftar Sharikat Bekerjasama dari Negeri Sarawak itu
akan menyediakan Penyata mengenai penyiasatan2-nya berhubung dengan Sha-
rikat2 Bekerjasama di-Brunei dan akan menyampaikan penyata itu kepada
Keraja'an Brunei pada masa hadapan kelak.

=====

X 5 PERTUBOHAN2 DI-BRUNEI TIDAK BERGERAK LAGI.

Ada-lah di-ma'alomkan untok pengetahuan awam bahawa 5 buah Pertub-
ohan2 di-Brunei saperti berikut, tidak-lah bergerak lagi, menurut kepada
Ma'alumat2 yang di-keluarkan oleh Pendaftar Pertubohan2 Negeri Brunei:-

Darah Kerabat Di-Raja Melayu Brunei; Persatuan Melayu, Brunei; Per-
satuan Melayu, Seria; The Saint Andrews Society of British Borneo; dan
Sree Narayana Gurukulan.

Samentara itu, kita mendapat faham bahawa sabuah Pertubohan di-
Sarawak, iaitu "Simpolan Muhibbah Bumi Putera Sarawak" tidak-lah bergerak
lagi mulai dari awal tahun ini.

=====

X 43,000 GUNI CEMENT DARI NEGERI2 JEPUN DAN CHINA

DI-BAWA MASOK KA-BRUNEI

Menurut satu berita yang rasmi dari Pengawas Gudang2 Simpanan Bai-
ang2 Keraja'an, bahawa samentak awal bulan February, 1957 hingga ka-per-
tengahan bulan yang lalu, sajumlah 43,000 guni cement, berat-nya 2,150
ton telah di-bawa masok dari Negeri Jepun dan China ka-Brunei.

1,200 ton cement tersebut telah di-hantarkan ka-Negeri ini dari
Negeri Jepun, manakala baki-nya dari Negeri China. Cement itu telah di-
bawa masok ka-Brunei ialah khas untok di-gunakan bagi pembina'an jalan2
raya di-Negeri ini.

Sabanyak 1,050 ton lagi cement di-jangka akan di-bawa masok ka-
Brunei dari Negeri China sadikit hari lagi, dan sekira-nya pehak2 yang
berkuasa mendapati satelah di-jalankan penyiasatan2 bahawa cement dari
Negeri China itu ada-lah mensesuaikan bagi ke-guna'an pembina'an jalan2
raya di-Negeri ini, maka harus-lah Keraja'an Brunei membeli cement dari
Negeri China sahaja, kerana cement itu ada-lah lebih murah lagi daripada
cement dari Negeri Jepun.

=====

X AHLI2 BAHARU LEMBAGA PELAWAT2 KA-RUMAH SAKIT

Keraja'an telah melantek Nonya Chong Thau Fah sebagai sa-orang
ahli baharu Lembaga Pelawat2 ka-Rumah Sakit, Bandar Brunei menggantikan
tempat Nonya Andrew Yapp.

Nonya Andrew Yapp pula, telah di-lantek menjadi sa-orang ahli ba-
haru Lembaga Pelawat2 ka-Rumah Sakit, Kuala Belait menggantikan tempat
Nonya Leong Chung Foh.

Lain2 ahli2 baharu Lembaga Pelawat2 ka-Rumah Sakit, Kuala Belait
ada-lah saperti berikut:-

Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar telah di-lantek mengganti-
kan tempat Haji Marusin bin Abdullah; Dr. Chan Wan Yu; menggantikan tem-
pat Mr. Chin Yun Fatt; dan Che'gu Madiah binte Abdul Hamid menggantikan
tempat Che'gu Rosni binte Abdul Hamid.

BEKERJA DI-KAMPONG AYER

+

+

⊕ ⊕ ⊕ ⊕ ⊕ ⊕ ⊕ ⊕

اوندغ ۲ بهارو مجلس اگام دان عادت است عادت نگرې برونې

(سمېوښتن درې فليټا برنې کلوارن یشالو)

ممېطل دان شوېهېکن فرنته .

مان ۲ فرنته یخ د بوات د باوه بېماکین این بولېله د بطلکن اتو دا بېمکن دغن فرنته مان ۲ اورغ یخ برتابیت دغن دان ستله د صېکن فروېهېکن کاء دان برسېڅکوت فاوت ایت .
دغن تیدق مثنایي کفد حق مان ۲ اورغ یخ برتابیت د باوه مان ۲ فرنته یخ د فربوات د باوه بېمکین این فد مفساکن فرجلانن فرنته ایت دغن جالنن مالوېي فردعوان د دالم محکمه حاکم اتو د دالم محکمه قاضي بسر سېگیمان ترکندوغ د دالم اوندغ ۲ این ، مگ محکمه یخ مېوات دننه ایت بولېله دغن تیدق د کچوالیکن اف ۲ بر د دالم اوندغ ۲ این یخ مېتاکن بهوا کواس جنایه اتو کواس ۲ حکوم سرع ، مگ د دالم فرکارا این دغن سېماج بدق د تورووت فرنته ایت ، منجاتوهکن حکومن فنجارا کران کمکین بوله دلنجوتکن .
فرنته ایت اداله ممېنرکن بایران دغن برانسور ۲ فد تیځ ۲ بولن کفد ساتو سېڅگو باگي تیځ ۲ ولن یخ بېبایرونن اتو بېماکین در دغن یخ تیڅگل تیدق تر بایر ، تیدق لېه در دغن ساتو بولن فد سېوا سکالي .

د فتر اورغ ماسوق اسلام

.....

منور ت کفد اوندغ ۲ بهارو مجلس اگام دان عادت است عادت نگرې این هېندقله مجلس اگام دان عادت است عادت ایت ممېفن ساتو د فتر نام سکاین اورغ ۲ یشته ماسوق اسلام د دالم نگرې برونې برسام ۲ دغن سگل تیځ ۲ کپتاءن یخ برتابیت دغن کاسلامن مریکیت یثاکن د تفتکن دغن فراتوران .

تیدقله بوله مان ۲ اورغ یخ عمورن کباوه در دغن
14 تاهون 7 بولن د د فتر کن سېباگي اورغ یخ
ماسوق اگام اسلام .

مفساکن اورغ

.....

ک مان ۲ اورغ برکھندق ماسوق اسلام ، مگ هندقله اورغ داجرکن دوا کلیمه شهادت د دافن مان ۲ اورغ لام دان کمدين در دغن ایت هندقله د باوا اورغ ایت کهدافن قاضي ججهان یث لازم ایت تیڅگل .
دقله قاضي ایت ممړیقا در بحال عمور اورغ ایت دان هندقله ، تله برفواسماتي بهوا عمور اورغ ایت لېه در دغن 14 تاهون 7 بولن دان اورغ ایت سوگ هندق منجادي اسلام ، مغمېنترکن اورغ ایت کفد جگهان مجلس بېوت .

هندقله اورغ ایت دغن تیدق د کچوالیکن کفد اف ۲ حق جگهان د اءتسن یخ د فوېاي امله مان ۲ اورغ لاءیر و توبه تیڅگل د دالم ججهان مجلس اسلام سلما 3 بولن دان هندقله مجلس ایت منڅگو بلنجا در دغن داغ مفلول عام د اءتس اورغ ایت دان جگ بلنجا تمفت تیڅگل ماکن ، مینوم ، فلاجران دان لاءین ۲ فربلنجان د دالم ماس 3 بولن ایت .

افبیل لفس تیمفوه 3 بولن یخ ترسېوت ایت ، مگ اورغ ایت اکن تر دغنتي در دغن جگهان مجلس دان هندقله لیس ، مگ اورغ ایت منتا ممېیارکن فربلنجان فرجلاننن بالیق کفد فنجگان یخ سېنون .
جگ فد فیکران قاضي بهوا عمور اورغ یخ مېوات فرمنتان ایت کباوه در دغن 14 تاهون 7 بولن ، مگ دقله د هنترکن اورغ ایت بالیق کفد فنجگان یخ سېنون دان هندقله د صفتکن اورغ ایت تیدق د ماسوکن اسلام دقله قاضي ممېري تلهو د اءس سگل فربواتن یخ د جالنکن اولمېن د باوه شرط ۲ باب این کفد فکاوې عادت است عادت نگرې دان کبېجیفتکن مشرکت ، دان مگ اورغ ایت د هولون براگام نصراني .

مگ فرهوېشن ایت هندقله ۵ نترکن کفد توان بریتیس رسیدنه .
 د دالم تیف ۲ بریت یخ دمکین ، ۵ ندقله قاضي سبوتکن فیکران اداکه اورخ ایت مېوات فضاګوان ن منجادي
 اسلام ایت دغن کېندقش: سند پري اتو فقسا .
 تیدقله اد سبارخ کپتان د دالم باب این یه بوله مېنرکن سسوارخ یثبلوم چوکف مور د اېیل دري
 جلاعن ایوبفان اتو فنجګان یخ دغن سېنر تیدق مندافت فرستجوان ایوبفان اتو فنجګان یخ سېنر ایت
 مجلس اکام دان عادت نګري بروني دغن مېري بوتیو ۲ یخ برثابیت دغن .

معلومات خاص کفد باگل ۲ جماعه ۲ حج .

فرتوکارن بیڅګ دراف دس دې عرابیه .
 عادات استعادات ، اکام ، دان کېجیقکن مشارکت نګري برني دارالسلام ، سري فدوګ یثترامت ملیا دولي
 سیران فنجاء ، اداله دغن این منوګن دندودوق ۲ دبرني یثاکن براکت کتانه سوچي باګي منونیکن فرض
 حج فد تاهون این بهوا بارثکالي باگل ۲ جماعه ۲ حج ایت تله مختهوې فرګارا ۲ یثترتولیس د دالم اخبار ۲
 مثنان یخ مریګ تله بیڅګ اتس مسله فرتوکارن واغ کران بریت یثتله دسیارکن اوله اخبار ۲ ایت مېموت بهوا :
 بیڅګ دراف دري تانه ملایو تیدق دافت دتوکرکن دمان ۲ بیڅګ دجده ، سعودي عرابیه ،
 تنافي بوله دتوکر هان سفروه هرګ اوله فنوکر ۲ دغن سچارا برسېموي اتو فون یث بیاس دسبوتکن دغن سچارا
 بلیګ مارکیت ، یعنی فاسرګلف "

ستله دحالتکن فیپاستن اوله فجابت محکمه دملایا برهوېش دغن فرکارا ترسبوت ، فجابت ایت
 مندافتي بهوا فرکارا فرتوکارن واغ دغن سچارا فاسرګلف ایت تیدقله بنو بلاګ کران ریال دان سترلیش دراف
 یخ دباو دري ملایا کیڅګ ۲ دجده بیڅګ دغن تیدق اد فیپاستن سفرتمان یخد لاکوکن فد تاهون ۲ یثالو .
 لبه لنجوت کیت مندافت فهم ییاءیت فنولخ فداوس فرتوکارن لوار نګري دفولو فینا تله مېري تاهو
 کفد فجابت فخلولا حان احوال جماعه حج دفولو فینش بهوا واع فرېلنجان انتوق کګونان فلاجران سرت
 فرېلنجان مثناعي حان احوال اکام اداله برجالن سمرت بیاس سېڅګ کساعت یث تراخر این فرکارا ایت
 تیدقله براوېه نګاوي ترسبوت بلوم فون فرنه لاګي منویما سبارخ فضاګوان اتس کسوسهن مثناعي فرکارا
 فنوکران دراف ۲ ترسبوت .

+ + + + + + + +

Ruangan So'al Jawab:

JAWAPAN2 SO'ALAN2 PELITA BRUNEI KELUARAN: TAHUN 2, NO. 1 DI-MUKA 8

1. Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, di-puterakan pada 23 September, 1916 di-Brunei.
2. D.Y.M.M. Maulana Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-tabalkan menjadi Yang Di-Pertuan Negeri Brunei pada 31 May, 1951.
3. Putera-Puteri D.Y.M.M. Sultan dan D.Y.M.M. Raja Isteri Negeri Brunei sekarang ini berjumlah 7 orang, iaitu: Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Hassenal Bulkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bulkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masnah; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nur 'Ain; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Sufri Bulkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Jufri Bulkiah; dan yang bungsu sekali, di-dzahirkan pada 17 February, 1956 ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Ammal Umi Kalthom Al-Islam.
4. Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei sekarang ini berjumlah 13 orang (a) Nama2 ahli2 Majlis Mashuarat itu ialah: D.Y.M.M. Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin; British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert; Seri Peduka Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Muda Hashim ibni Al-Merhom Pengiran Anak Abdul Rahman; Seri Peduka Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Anak Haji Mohamed Alam ibni Al-Merhom Pengiran Anak Abdul Rahman; Yang Mulia Pengiran Maharaja Laila Anak Muda Kahar ibni Al-Merhom Pengiran Haji Mohamed Yassin; Yang Mulia Pengiran Kerma Indera Mohamed bin Pengiran Piut; Yang Mulia Pengiran Haji Mohamed Salleh ibni Pengiran Haji Mohamed; Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong Haji Awang Mohamed Yusuf bin Jawatan Dalam; Yang Berhormat Mr. E.W. Cousens; Yang Berhormat Mr. R.E. Hales; Yang Berhormat Mr. George Newn Ah Foott; dan Yang Berhormat Mr. G.V.C. Young (b) Pengurus Majlis Mashurat itu ialah DYMM
5. British Resident Brunei yang pertama sekali ialah Mr. M.S.H. McArthur. (a) Penolong Resident Brunei yang pertama kali ialah Mr. F.A.S. McClelland
6. Setia Usaha Jajahan Ta'alok British yang telah melawat ka-Negeri Brunei bersama2 isteri-nya pada tahun 1955 ialah Yang Amat Berhormat Mr. Alan Lennox-Boyd.

SO'ALAN2 YANG BAHARU

- Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah membeli sebuah Istana di-Negeri Sarawak tidak berapa lama dahulu. Dalam Bandar di-Sarawak yang mana-kah latek-nya Istana itu; dan apa-kah nama-nya ?
- Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Sir Anthony Foster Abell K.C.M.G., selain daripada menjadi Pesuruh Jaya Tinggi bagi Negeri Brunei, apa-kah jawatan-nya yang lain di-Sarawak ?
- Di-mana-kah latek-nya tempat tinggal Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi di-Negeri ini; dan apa-kah nama-nya itu ?
- Sebutkan nama segala Daerah2 dalam Negeri ini (a) Siapa-kah Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah bagi tiap2 buah Daerah itu ?
- Bila-kah yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert mula2 berkhidmat sebagai British Resident Brunei ? (a) Siapa-kah Penolong2 Resident Brunei dan Kuala Belait sekarang ini ?

6. Putera Mahkota kepada Duli Yang Maha Besar Baginda Queen Elizabeth II ialah Yang Teramat Mulia Prince Charles, yang kini baharu berumur 8 tahun dan sedang menyandang gelaran sebagai Duke of Cornwall. Tahu-kah para pembacha, apa-kah gelaran yang telah di-kosongkan oleh Yang Teramat Mulia Duke of Windsor (bekas King Edward VIII) yang akan di-anugerahkan kepada Duke of Cornwall itu menurut sebagai mana 'Adat Istiadat Perbakala Di-Raja Inggeris yang di-anugerahkan kepada sa-sa-orang Putera Mahkota-nya ?

PEMBUKA'AN RASMI RUMAH ORANG2 TUA DI-SERIA

OLEH D.Y.M.M. SULTAN.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin akan berangkat ka-Kuala Belait pada hari Sabtu, 2 haribulan March, 1957 dalam satu lawatan Baginda yang rasmi.

Pada pagi hari tersebut juga Baginda akan menyempurnakan istiadat pembuka'an rasmi Rumah Orang2 Tua di-Seria yang di-kelolakan oleh Lembaga Perkhidmatan Masharakat, Kuala Belait di-bawah jaga'an sa-orang padri Perempuan.

Duli Yang Maha Mulia akan di-sambut ketika tiba di-Kuala Belait oleh Penolong Resident, Kuala Belait, Mr. G.L. Thomas, dan selepas menyempurnakan istiadat tersebut Baginda akan melawat ka-beberapa tempat di-Kuala Belait, sebelum balek ka-Brunei pada hari itu juga.

LAPAU DAN DEWAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI YANG BAHARU

AKAN DI-BINA DI-BANDAR BRUNEI

Keraja'an Brunei sudah pun membuat rancangan hendak membina sebuah Lapau dan Dewan Majlis Mashuarat Negeri yang baharu, yang harus akan di-bina di-kawasan Lapau sekarang ini di-Bandar Brunei.

Ahli2 pembuat chontoh2 bangunan2 akan di-pelawakan sedikit hari lagi untuk melukiskan chontoh bangunan yang di-chadangkan itu. Lukisan2 itu pula akan di-sembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan dan juga akan di-hantarkan kepada Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri untuk pertimbangan.

Lapau yang ada sekarang ini telah di-bina beberapa tahun dahulu pada masa perkakas membina bangunan dan sebagai-nya payah hendak diperolehi dan pada masa itu tidak-lah banyak bangunan2 yang indah berada di-Bandar Brunei. Tetapi sekarang, oleh kerana perubahan masa beberapa banyak bangunan2 yang indah dapat di-lihat di-Negeri ini, maka sudah-lah sapatut-nya Negeri ini mempunyai sebuah Lapau dan juga Dewan Majlis Mashuarat baharu yang akan menjadi kemegahan juga kepada Negeri ini.

Menurut keterangan daripada sa-orang Pegawai Kanan Keraja'an yang bertanggung jawab dalam urusan pembangunan bangunan yang di-chadangkan itu, bahawa keada'an bentuk bangunan itu dari sebelah luar ada-lah sama seperti bangunan Pejabat2 Keraja'an di-Bandar Brunei; tetapi, kata-nya, bangunan itu akan mempunyai sebuah anjong dan Dewan Majlis Mashuarat yang indah permai.

Muka Tambahan

1 March, 1957

A M A R A N K H A S :-

KAPADA ORANG2 YANG MEMPUNYA BUKU2 YANG DI-TEGAHKAN

DI-BAWA MASOK KA-BRUNEI

Para penduduk di-Negeri Brunei ada-lah dengan ini di-beri AMARAN KHAS bahawa sakira-nya mereka ada mempunya Buku2 yang di-tegahkan di-bawa masok ka-Negeri ini sebagaimana yang di-siarkan di-muka 6 "PELITA BRUNEI" keluaran ini, hendaklah mereka, dengan sabarapa segera, M E N Y E R A H K A N Buku2 itu kapada:-

Yang Amat Mulia Pengeran Maharaja Laila, Setia Usaha, Badan Penapis Buku2 Negeri Brunei, sabelum Pihak Yang Berkuasa menjalakan tindakan yang sepatut-nya di-lakukan kapada orang2 yang berkena'an itu.

*** **

BERITA BAIK :-

UNTOK ORANG2 YANG MEMINTA KERJA DALAM PASOKAN

PANCHARAGAM POLICE BRUNEI

Orang2 yang tinggal dalam Bandar Brunei sahaja yang telah hantarkan surat2 perminta'an kapada Pengarah, Pancharaga, Police, Negeri Brunei untok berkhidmat dalam Pasokan Pancharagam itu, tetapi mereka belumlah lagi mengadakan pertemuan dengan Pengarah Pancharagam tersebut, adalah dengan kenyata'an ini, di-kehendaki hadir di-Ibu Pejabat Police, Bandar Brunei pada pukul 10 pagi hari Sabtu, 9 March, 1957.

Orang2 yang tinggal dalam Daerah2 Kuala Belait, Seria dan di-lain-lain tempat, tidaklah dikehendaki hadir di-Ibu Pejabat Police pada tarikh dan masa tersebut, kerana mereka sudah pun di-beri lain-lain kenyata'an.

KENYATA'AN PENTING :-

TERHADAP PARA PESERTA DALAM PERLUMBA'AN BICYCLE

ANJORAN B.S.C.

Satu perlumba'an bicycle sejauh kira-kira 3 batu akan diadakan mulai pada pukul 5 petang hari Sabtu 16 March, 1957 di-Jalan Muara, tidak jauh daripada Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei, di-bawah anjoran Brunei Sports Club.

Orang2 yang suka mengambil bahagian, adalah di-minta menghantarkan surat2 perminta'an mereka kapada Pegawai Daerah, Brunei tidak lewat daripada pukul 12 tengah hari 11 March, 1957. Bayaran masok tidak di-kenakan; dan begitu juga tidaklah di-hadkan umur para peserta dalam perlumba'an tersebut.

** *****